

**SOALAN NO. 44****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK LIANG TECK  
MENG [ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Rancangan Malaysia Ke-11 telah mencapai objektifnya, jelaskan daripada segi implementasi dan kesan kepada pembangunan rakyat.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek Rancangan Malaysia Ke-11 yang dilaksanakan telah mencatatkan keberhasilan dan kesan kepada pembangunan rakyat. Antara pencapaian utama Rancangan Malaysia Ke-11 setakat 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

**Infrastruktur**

- 1. Sepanjang 1,583.69 km jalan berturap di kawasan luar bandar telah dilaksanakan mencakupi jalan perhubungan desa (JPD) dan jalan luar bandar (JALB);
- 2. 94% liputan bekalan air luar bandar;
- 3. 98.76% liputan bekalan elektrik luar bandar;
- 4. 93.6% kawasan berpenduduk mendapat liputan infrastruktur jalur lebar;
- 5. 96.5% penduduk mendapat bekalan air awam terawat;
- 6. 71.0% liputan perkhidmatan pembedung awam bersambung;

**Ekonomi**

- 7. Nilai pelaburan sebanyak RM105.04 bilion yang meliputi 5 Koridor Ekonomi (NCIA, ECERDC, IRDA, RECODA dan SDC);
- 8. 172,013 peluang pekerjaan diwujudkan;

107

### **Kesejahteraan Rakyat**

9. 30,917 unit rumah telah dibina dan di baik pulih untuk isi rumah miskin;
10. 456,364 unit rumah telah dibina untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana;

### **Pendidikan & Latihan**

11. 38.9% pelajar lepasan SPM mengikuti aliran TVET di peringkat *tertiary* dan 86.5% daripada graduan TVET berjaya mendapat pekerjaan selepas 6 bulan tamat pengajian;
12. 2.06 juta pekerja mendapat latihan kemahiran menerusi perluasan Akta PSMB;

### **Alam Sekitar**

13. 54.9% pengekalan kawasan hutan Negara;
14. 1.37 juta rakyat dilindungi melalui projek tebatan banjir (RTB); dan
15. Purata Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) nasional dikurangkan kepada 33.5%.

Sekian, terima kasih.